



Guru rugi RM115,000 ditipu individu menyamar pegawai LHDN

Alor Setar: Seorang guru wanita kerugian RM115,000 apabila ditipu individu menyamar sebagai pegawai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang mendakwa ada kes tunggakan cukai oleh syarikat mangsa.

Mangsa berusia 41 tahun yang sudah berkahwin dan berasal dari Selama, Perak itu menerima panggilan daripada individu berkenaan pada 7 Februari lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kedah, Superintendent Elias Omar, berkata mangsa menafikan dakwaan berhubung cukai berkenaan.

Katanya, panggilan itu kemudian disambung kepada seorang lelaki mendakwa Inspektor dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, sebelum disambung pula kepada individu kononnya pegawai polis berpangkat Datuk.

"Suspek meminta mangsa membuka aplikasi WhatsApp sebelum mangsa menerima satu mesej dengan notis mendakwa wanita itu terbabit kes pengubahan wang haram dan pengedaran dadah.

"Pada 8 Februari lalu, mangsa diarah membuat pinjaman peribadi dari bank kerana perlu ada kewangan kukuh dalam akaun bank miliknya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Susulan itu, Elias berkata, mangsa memohon pinjaman bank sebanyak RM133,080.90, sebelum diarah membuka pautan perisian diberikan untuk mengisi maklumat peribadi dan perbankan kononnya bagi siasatan lanjut.

"Mangsa tanpa membuat semakan terus memuat naik aplikasi itu dan mengisi butiran peribadi serta butiran perbankan miliknya.

"Pada 15 Februari lalu, wang pinjaman sebanyak RM133,080.90 dikreditkan ke dalam akaun bank miliknya dan mangsa menghubungi suspek untuk memberitahu perkara itu," katanya.

Elias berkata, pada 16 Februari lalu, mangsa cuba log masuk perbankan dalam talian miliknya tetapi mendapati ia sudah disekat.

Beliau berkata, mangsa terus menghubungi pihak khidmat pelanggan dan diberitahu ada transaksi pindahan wang berjumlah RM115,000.

"Berikutan itu mangsa membuat laporan polis di Balai Polis Kulim pada 17 Februari lalu (kelmarin) dan satu kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.